

## BAB 3

### INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA DALAM SEKTOR PERKILANGAN DAN EKONOMI NEGARA

#### 3.1 Pengenalan

Sumbangan sektor perkilangan dalam pembangunan ekonomi negara memang telah disedari sejak awal zaman kemerdekaan lagi. Walaupun pada ketika itu ia hanya bertujuan sebagai penggantian import tetapi sudah terdapat beberapa dasar yang diperkenalkan dengan tujuan untuk menggalakkan sektor berkenaan. Antaranya ialah Ordinan Industri Perintis 1958, Akta Galakan Pelaburan 1968 dan Akta Penyelarasaran Perindustrian 1975. Dasar-dasar tersebut memainkan peranan penting untuk menggalakkan pertumbuhan sektor perkilangan terutamanya menarik pelaburan asing melalui pelbagai intensif serta penyediaan infrastruktur seperti taraf perintis dan kawasan perindustrian.

Kepentingan sektor perkilangan semakin ditekankan apabila negara mengalami kemelesetan ekonomi pada 1980an yang disusuli dengan permintaan komoditi yang lemah. Justeru, pelbagai polisi penggalakkan telah dilaksanakan. Antara yang terpenting ialah Pelan Induk Perindustrian.

#### 3.2 Pelan Induk Perindustrian (IMP)<sup>77</sup>

Usaha penstrukturran semula sektor industri supaya lebih tegar dan kompetitif telah dijalankan melalui Pelan Induk Perindustrian 1986-1995 (IMP I), sejurus selepas negara mengalami pemulihan pada tahun 1986. IMP I telah mencatatkan kejayaan

<sup>77</sup> Maklumat terperinci tentang IMP I dan II boleh diperolehi daripada MITI (1996), *Second Industrial Master Plan*, Kuala Lumpur: MITI.

yang melebihi sasaran asal. IMP I ini kemudiannya diteruskan dengan Pelan Induk Perindustrian Kedua 1996-2005 (IMP II) yang berteraskan strategi meningkatkan nilai ditambah sektor perkilangan melalui R&D, rekabentuk keluaran dan pembangunan teknologi di samping membangunkan industri kelompok. IMP II dapat mengukuhkan lagi sektor perkilangan dalam mendepani persaingan ekonomi global.

### ***3.2.1 Pelan Induk Perindustrian 1986-1995 (IMP I)***

Sepertimana yang telah dinyatakan dalam Laporan Pelan Induk Perindustrian Kedua 1996-2005, IMP I telah mencatatkan kejayaan besar. Jadual 3.1 menunjukkan bahawa, kesemua petunjuk ekonomi yang digunakan iaitu sumbangan kepada KDNK, nilai ditambah, eksport dan gunatenaga telah pun melebihi sasaran yang ditetapkan. Kesan daripada perkembangan pesat sektor perkilangan, KDNK telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.8% dalam tempoh tersebut, melepasi 6.4% sasaran awal. Namun demikian, kejayaan tersebut tidak memadai kerana pada peringkat IKS pula kesan IMP I tidak begitu ketara.

*Jadual 3.1: Pertumbuhan Sektor Pengeluaran Semasa IMP I*

<i>Pembolehubah</i>	<i>Sasaran</i>	<i>Pencapaian sebenar</i>
KDNK	6.4	7.8
Nilai ditambah	8.8	12.5
% nilai ditambah kepada KDNK (1995)	23.9	33.1
Eksport	9.4	28.6
Gunatenaga	6.8	8.9
Jumlah Gunatenaga (000)	1,464	2,051

Sumber: Laporan Kajian IMP II (1996).

### **3.2.2 Perkembangan IKS Semasa IMP I**

Walaupun IKS meliputi kira-kira 90.0% sektor perindustrian negara, perkembangan yang dihasilkan semasa IMP I tidaklah begitu membanggakan. Kiraan yang telah dibuat oleh Pazim dan Mohd Rosli (1995) mendapati prestasi sektor IKS dalam tempoh tersebut terutamanya dari tahun 1986-1992 masih jauh ketinggalan berbanding industri besar.<sup>78</sup> Jadual 3.2 di bawah menunjukkan bahagian relatif petunjuk-petunjuk asas sektor perkilangan mengikut saiz industri.

*Jadual 3.2: Bahagian Rrelatif Petunjuk-Petunjuk Asas Sektor Perkilangan Mengikut Saiz Industri, 1981-1992*

Petunjuk Asas	Industri	1986	1987	1988	1989	1990	1991	1992
Jumlah	<b>IKS</b>	<b>81.1</b>	<b>79.0</b>	<b>76.0</b>	<b>74.1</b>	<b>71.2</b>	<b>70.2</b>	<b>69.7</b>
Pertumbuhan	Besar	18.9	21.0	24.0	25.9	28.8	29.8	31.3
Keluaran	<b>IKS</b>	<b>20.7</b>	<b>19.6</b>	<b>18.1</b>	<b>16.3</b>	<b>15.3</b>	<b>13.7</b>	<b>14.9</b>
Kasar	Besar	79.3	80.4	82.9	83.7	84.7	86.3	85.1
Nilai	<b>IKS</b>	<b>20.7</b>	<b>19.6</b>	<b>18.1</b>	<b>16.3</b>	<b>15.3</b>	<b>13.7</b>	<b>14.9</b>
Ditambah	Besar	79.3	80.4	82.9	83.7	84.7	86.3	85.1
Gunatenaga	<b>IKS</b>	<b>21.4</b>	<b>28.2</b>	<b>23.4</b>	<b>21.4</b>	<b>19.8</b>	<b>18.9</b>	<b>18.0</b>
Aset Tetap	Besar	69.6	72.8	76.6	78.6	80.2	81.1	82.0
	<b>IKS</b>	<b>18.7</b>	<b>27.4</b>	<b>15.3</b>	<b>25.2</b>	<b>14.4</b>	<b>12.6</b>	<b>16.4</b>
	Besar	82.3	83.6	84.7	84.8	85.6	87.4	83.6

Sumber: Diubahsuai daripada Pazim dan Mohd Rosli (1995).

Boleh dikatakan dalam semua petunjuk asas yang digunakan prestasi IKS mengalami penurunan berbanding dengan industri besar. Jumlah pertumbuhan IKS telah menurun daripada 81.1% pada tahun 1986 kepada hanya 69.7% pada 1992. Nilai ditambah dan keluaran kasar IKS juga menurun kepada 16.9% pada tahun 1992 berbanding 20.7% pada 1986. Keadaan ini menyebabkan sumbangan IKS

<sup>78</sup> Pazim Othman dan Mohd Rosli Mohamad, "SMIs: Current Performance and Future Prospects", *Jurnal Ekonomi*, 1995, bil. 29.

kepada gunatenaga jatuh kepada 18.0% berbanding 21.4% dalam tempoh yang sama. Keadaan yang sama berlaku kepada jumlah aset tetap. IKS memiliki 18.6% sahaja aset tetap keseluruhan sektor perkilangan menjelang tahun 1992. Berdasarkan analisis di atas ternyata bahawa sehingga peringkat akhir pelaksanaan IMP I, ia kurang memberi manfaat kepada pertumbuhan sektor IKS. Sebaliknya industri besar mencatatkan pertumbuhan yang ketara. Penurunan yang ketara ini disebabkan oleh kegagalan IKS menyesuaikan diri dengan perkembangan ekonomi semasa yang semakin mencabar.<sup>79</sup>

Justeru, pembangunan industri bersepadu telah diwujudkan dengan penekanan kepada strategi meningkatkan nilai ditambah sektor perkilangan melalui R&D, rekabentuk keluaran dan pembangunan teknologi menjadi teras dasar IMP II. Untuk mengatasi masalah struktur dan ketidakseimbangan sektor perindustrian pula, IKS berperanan sebagai rantaian dalam industri berkelompok dengan membekalkan komponen dan peralatan kepada industri besar.

### ***3.2.3 Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP II)***

IMP II (1996-2005) yang dilancarkan pada 28 November 1996 menekankan strategi serampang dua mata iaitu orientasi *Manufacturing Plus Plus* dan pembangunan perindustrian berdasarkan kelompok. Melalui strategi *Manufacturing Plus Plus* sektor industri digalakkan untuk bergiat dalam aktiviti R&D, rekabentuk produk, pengagihan dan logistik serta pemasaran untuk menambah rangkaian perindustrian serta meningkatkan produktiviti dan daya saing. Selain itu industri juga digalakkan

<sup>79</sup> Mohd Rosli Mohamad (2000), *Industri Kecil dan Sederhana Landasan Pembangunan Usahawan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

meningkatkan kecekapan pengeluaran melalui penggunaan lebih banyak automasi dan jentera, teknologi peningkatan kemahiran pengurusan organisasi dan pembangunan sumber manusia. Strategi tersebut berupaya meningkatkan nilai ditambah pengeluaran dengan menganjak seluruh rantaian nilai ke tahap yang lebih tinggi menerusi pertumbuhan berteraskan produktiviti. Rajah 3.1 menunjukkan strategi *Manufacturing Plus Plus*.

Selain daripada menekankan strategi *Manufacturing Plus Plus* IMP II juga memberi tumpuan kepada pembangunan industri kelompok, terutamanya sektor elektrik dan elektronik, kimia, tekstil, jentera dan pengangkutan termasuk industri berdasarkan sumber. Industri tersebut telah dikelaskan kepada tiga jenis kelompok utama iaitu rangkaian sehingga peringkat antarabangsa, berteraskan dasar dan berteraskan sumber.

Untuk memastikan kejayaan IMP II terdapat lima teras strategi penting yang telah digariskan dengan memberi tumpuan kepada:

- a. *Orientasi global* - meningkatkan tumpuan ke arah perubahan pasaran global dengan menjadi pengilang skala dunia dan bertaraf dunia.
- b. *Meningkatkan kebersaingan* - memberikan tumpuan kepada pembangunan kelompok melalui pembesaran dan peluasan rangkaian perindustrian serta peningkatan produktiviti.

- c. *Memperbaiki asas ekonomi yang diperlukan* - memberikan tumpuan kepada pembangunan dan pengurusan sumber manusia, pemerolehan teknologi serta meningkatkan kapasiti penyerapan, infrastruktur fizikal, peraturan pentadbiran sokongan, insentif fiskal dan bukan fiskal serta perkhidmatan sokongan perniagaan.
- d. *Memupuk syarikat perkilangan milik Malaysia* - melalui penyertaan yang lebih banyak oleh syarikat milik Malaysia dalam aktiviti perkilangan yang meluas terutamanya dalam kelompok yang dikenal pasti sebagai strategik dan penting.
- e. *Proses intensif maklumat dan berteraskan ilmu* - menggunakan proses intensif maklumat dan berteraskan ilmu dalam perkilangan serta dalam aktiviti berkaitan seperti R&D, reka bentuk produk, pemasaran, pengagihan dan perolehan.

### **3.3 Sumbangan Sektor Perkilangan Kepada Ekonomi Malaysia**

Menurut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000),<sup>80</sup> walaupun dalam tempoh 1996-1998 sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 4.3%, jauh lebih rendah daripada sasaran awal 10.7%, tetapi ia terus kekal sebagai sektor utama dalam ekonomi negara jika diukur melalui sumbangannya kepada KDNK, eksport dan gunatenaga seperti dalam Jadual 3.3. Tahun 1997 mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi dalam semua petunjuk yang digunakan.

<sup>80</sup> Malaysia (1996), *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Jadual 3.3: Petunjuk Utama Sektor Perindustrian 1995-2000

Petunjuk	1995	1996	1997	1998	1999-2000
Nilai Ditambah (RM juta)	39,790	44,684	50,270	45,155	93,740
Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	14.2	12.3	12.5	-10.2	3.4
Sumbangan kepada KDNK (%)	33.1	34.2	35.7	34.4	34.5
Sumbangan kepada Eksport (%)	79.6	80.5	81.0	82.9	84.5
<u>Sumbangan kepada Gunatenaga</u>	<u>25.7</u>	<u>26.4</u>	<u>27.1</u>	<u>27.0</u>	<u>27.2</u>

Sumber: Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000.

Bagaimanapun prestasi sektor perkilangan ini jatuh mendadak pada tahun 1998 ketika negara menghadapi kesan kegawatan ekonomi. Kejatuhan ini adalah disumbangkan oleh kemerosotan permintaan domestik dan kejatuhan nilai mata wang yang menyebabkan kenaikan harga input, kredit yang ketat serta kos pelaburan yang tinggi. Sementara itu, empat buah negara iaitu, Amerika Syarikat, Singapura, Kesatuan Eropah dan Jepun terus menjadi destinasi utama eksport barang perkilangan (Jadual 3.4).

Jadual 3.4: Destinasi utama eksport barang perkilangan 1999-2000

Negara	1999			2000		
	Nilai (RM juta)	Kadar Pertumbuhan (%)	Peratus Bahagian	Nilai (RM juta)	Kadar Pertumbuhan (%)	Peratus Bahagian
Amerika Syarikat	44,753	15.4	26.7	48,039	8.0	24.3
Singapura	28,243	0.7	17.0	38,503	36.3	19.5
Kesatuan Eropah	27,967	13.3	16.8	30,043	7.4	15.2
Jepun	17,260	79.8	10.4	21,846	26.6	11.1
Hong Kong	8,407	1.2	5.0	10,007	19.0	5.1
Taiwan	8,424	38.7	5.1	7,566	-10.2	3.8
Lain-lain	31,623	9.6	19.0	41,491	31.2	21.0
Jumlah	166,397		100.0	197,495		100.0

Sumber: Laporan Ekonomi 2000.

### **3.4 IKS Dalam Sektor Perkilangan**

#### **3.4.1 Profail IKS Secara Umum**

Jika diteliti laporan-laporan yang diterbitkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sehingga tahun 1999, IKS dianggarkan meliputi 91.0% daripada keseluruhan sektor perindustrian.<sup>81</sup> Banci IKS pada tahun 1993/1994 boleh dianggap lebih tepat dan menyeluruh kerana ia meliputi seluruh Malaysia. Banci tersebut mendapati bahawa jumlah IKS di Malaysia dianggarkan sebanyak 12,108 buah.<sup>82</sup> Banci tersebut telah memberikan gambaran tentang profail IKS di Malaysia seperti berikut:

##### *a. Lokasi IKS Mengikut Negeri*

Banci IKS pada tahun 1993/94 tersebut mendapati negeri Johor dan Selangor mencatatkan jumlah tertinggi IKS dengan 18.0% masing-masingnya. Ia kemudian diikuti oleh Perak, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

*Jadual 3.5: Lokasi IKS Mengikut Negeri*

<i>Negeri</i>	<i>Peratus</i>
Johor	18.0
Selangor	18.0
Perak	13.0
Pulau Pinang	11.0
Kuala Lumpur	10.0
Lain-lain	30.0
Jumlah	100.0

Sumber: Diubahsuai daripada MITI (1995)

<sup>81</sup> Terdapat perbezaan yang ketara dengan kajian yang dibuat oleh Pazim dan Mohd. Rosli (1995). Perbezaan ini timbul kerana definisi IKS yang digunakan adalah berbeza. Mohd Rosli dan Pazim (1995) mendefinisikan IKS sebagai organisasi yang mempunyai pekerja tidak lebih daripada 100 orang. Sedangkan MITI pula mendefinisikan IKS sebagai organisasi yang mempunyai jumlah pekerja sehingga 150 orang.

<sup>82</sup> MITI (1995), *Malaysia International Trade and Industry Report 1995*, Kuala Lumpur: MITI.

Jadual 3.5 di atas menunjukkan bahawa kira-kira 70.0% IKS terletak di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Kemudahan infrastruktur yang banyak terdapat di kawasan-kawasan tersebut termasuk estet-estet perindustrian menjadi faktor utama yang menarik minat syarikat-syarikat IKS.

*b. IKS Mengikut Sektor*

Sektor makanan, minuman dan tembakau menjadi sektor yang paling utama dengan penglibatan 20.0% IKS. Ia diikuti oleh barang logam, jentera dan peralatan dengan 18.0%, kayu dan keluaran kayu 16.0% dan tekstil, pakaian dan barang kulit 12.0%. Sementara itu selebihnya, 34.0% terlibat dalam lain-lain sektor (Jadual 3.6).

*Jadual 3.6: IKS Mengikut Sektor*

<i>Sektor</i>	<i>Peratus</i>
Makanan, Minuman dan Tembakau	20.0
Barangan Logam, Jentera dan Peralatan	18.0
Kayu dan Keluaran Kayu	16.0
Tekstil, Pakaian dan Barang Kulit	12.0
Lain-lain	34.0
Jumlah	100.0

Sumber: Diubahsuai daripada MITI (1995).

*c. Modal Berbayar*

Jadual 3.7 menunjukkan sebahagian besar atau 82.0% IKS mempunyai modal berbayar tidak lebih daripada RM500,000 dengan 38.0% memiliki modal berbayar di bawah RM50,000. Hanya 14.0% sahaja yang memiliki modal berbayar lebih RM500,000 hingga RM2.5 juta. Ini menunjukkan secara relatifnya saiz firma serta kemampuan kewangan IKS adalah kecil.

*Jadual 3.7: Modal Berbayar*

<i>Modal Berbayar(RM)</i>	<i>Peratus</i>
Bawah 50,000	38
50,001-500,000	45
501,000-2,500,000	14
Jumlah	100.0

Sumber: Diubahsuai daripada MITI (1995).

*d. Ekuiti*

Secara keseluruhannya 70.0% IKS dimiliki oleh usahawan bukan Bumiputera. Usahawan Bumiputera hanya memiliki 20.0% entiti IKS. Selebihnya 4.0% dan 6.0% dimiliki oleh usahasama di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera dan pemilikan asing (Jadual 3.8).

*Jadual 3.8: Komposisi Ekuiti IKS*

<i>Ekuiti</i>	<i>Peratus</i>
Bumiputera	20.0
Bukan Bumiputera	70.0
Bumiputera dan Bukan Bumiputera	4.0
Asing	6.0
Jumlah	100.0

Sumber: Diubahsuai daripada MITI (1995).

*e. Tenaga Kerja*

Rata-ratanya IKS memiliki bilangan tenaga kerja yang sedikit. Lebih separuh daripada IKS memiliki hanya 5-10 orang tenaga pekerja dan hanya 5.0% sahaja yang memiliki pekerja melebihi 75 orang.

*f. Jualan*

Kira-kira 55.0% daripada industri sederhana memperolehi jualan tahunan antara RM500,000 hingga RM1 juta terutamanya bagi industri kimia, petroleum, getah dan plastik, mesin dan peralatan serta barang logam terbentuk (*fabricated metal*

*product).* Sementara itu 41.0% memperolehi jualan antara RM50,000-RM500,000 setahun. Hanya 13.0% memperolehi jualan bawah RM50,000.

### **3.4.2 Sumbangan IKS Terhadap Sektor Perkilangan 1996-1998**

Agak sukar untuk menganalisis sumbangan IKS kepada ekonomi negara secara spesifik kerana data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan ataupun MITI dan Laporan-laporan Ekonomi tidak memisahkan antara IKS dengan industri besar yang lain.

Untuk tempoh 1996-1999 data yang diperolehi daripada Laporan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri seperti dalam Jadual 3.9 boleh memberikan gambaran tentang sumbangan IKS dalam sektor perkilangan.

*Jadual 3.9: Petunjuk Utama Sektor Perkilangan*

<i>Petunjuk</i>	<i>1996</i>	<i>1997</i>	<i>1998</i>	<i>1999</i>
Nilai Ditambah (%)	16.9	19.6	20.1	20.9
Sumbangan kepada KDNK (%)	13.8	17.0	15.8	18.9
Sumbangan kepada Gunatenaga	17.4	30.0	29.9	29.7

Sumber: Diubahsuai daripada Laporan-Laporan MITI, pelbagai tahun, 1996-2000.

Pada umumnya boleh dikatakan bahawa sumbangan IKS kepada sektor perkilangan adalah semakin meningkat. Dalam tempoh 1996-1999 sektor IKS memberikan sumbangan di antara 16.9% hingga 20.9% kepada nilai ditambah sektor perkilangan. Sementara itu ia juga menyumbang di antara 13.8-18.9% daripada jumlah KDNK dalam tempoh tersebut. Begitu juga dengan sumbangan kepada gunatenaga. Melainkan pada tahun 1996 (17.4%), IKS telah menyumbang kira-kira 30% kepada gunatenaga dalam sektor pembuatan.

### **3.5 Masalah-Masalah IKS di Malaysia**

Walaupun sektor IKS ternyata memberikan sumbangan yang ketara kepada sektor perkilangan dan ekonomi negara tetapi pada umumnya, ia masih dibelenggu oleh pelbagai masalah yang seolah-olah tiada penghujung.

IKS di negara ini sentiasa ditonjolkan sebagai industri yang sering menghadapi masalah. Di antara masalah paling utama yang kerap kali diutarkan ialah masalah kewangan.

#### ***3.5.1 Kewangan***

Walaupun tidak dinafikan bahawa terdapat banyak dana atau tabung yang ditubuhkan oleh kerajaan tetapi masalahnya usahawan IKS sukar untuk mendapat pinjaman kerana syarat-syarat yang ketat oleh institusi kewangan. Kriteria kelulusan pinjaman institusi kewangan adalah berdasarkan rekod perniagaan untuk beberapa tahun yang lepas tidak memungkinkan mendapat pinjaman dari pelbagai tabung dan dana kerajaan melalui institusi kewangan walaupun projek berdaya maju, semata-mata kerana prestasi perniagaan yang merosot khususnya semasa kegawatan ekonomi.

Sehingga Mac 1999 hanya kira-kira 15% daripada dana yang berjumlah RM 25 billion yang dikelolakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan menerusi tujuh skim pembiayaan IKS sudah diagihkan.<sup>83</sup> Usahawan menghadapi kekurangan modal dan menghadapi masalah aliran tunai kerana terutamanya disebabkan kesukaran mendapat pinjaman daripada institusi kewangan dan kekurangan pelanggan atau

---

<sup>83</sup> Berita Harian, 12 Mac 1999.

pesanan serta peningkatan kos operasi kerana kenaikan harga bahan dan peralatan. Akibatnya mereka menghadapi tindakan undang-undang oleh institusi kewangan dan pembekal kerana gagal membayar hutang.<sup>84</sup>

Kebanyakan pengusaha menyatakan masalah utama IKS dengan bank ialah syarat pinjaman yang terlalu ketat dan tiadanya kesefahaman antara pengurus cawangan dengan ibu pejabat. Dianggarkan 75% daripada permohonan pinjaman adalah tidak diluluskan. Ia berpunca daripada permohonan pinjaman yang tidak berdaya maju dan tidak mempunyai susunan akaun yang baik.<sup>85</sup>

Untuk membantu usahawan IKS dari sudut kewangan terdapat banyak dana-dana yang diwujudkan oleh kerajaan melalui agensi-agensinya seperti Bank Negara dan Kementerian Pembangunan Usahawan.

a. *Bank Negara*

Terdapat lapan tabung yang diwujudkan untuk membantu usahawan IKS, dikendalikan oleh Bank Negara. Antaranya ialah: Tabung IKS; Tabung Pemulihan IKS; Tabung Makanan; Skim Khas Untuk Pemulihan Kos Rendah dan Sederhana; Tabung Perkapalan; Tabung Penyesuaian Industri; Tabung Industri Bumiputera dan Tabung Usahawan Baru. Bank Negara mensyaratkan bahawa institusi kewangan meiluluskan pinjaman untuk Dana IKS bagi projek yang berdaya maju dan menetapkan sasaran supaya kelulusan diperolehi dalam masa dua minggu.

<sup>84</sup> Dewan Perniagaan Melayu Kelantan (2000), *Memorandum Masalah Usahawan Melayu*, Kota Bharu: tidak diterbitkan.

<sup>85</sup> Berita Minggu, 14 Mac 1999.

Bank Negara telah menetapkan sasaran 50% pembayaran daripada lapan dana IKS yang mempunyai peruntukan sebanyak RM7.4 billion menjelang Mei 1999.<sup>86</sup>

*b. Kementerian Pembangunan Usahawan dan MARA*

Kementerian Pembangunan Usahawan dan MARA merupakan salah satu agensi utama yang membiayai IKS terutamanya Bumiputra dengan jumlah pinjaman sehingga RM1 juta. Untuk tahun 1998 dan 1999 sahaja, MARA mempunyai peruntukan RM1.25 billion. Namun sehingga Februari 1999 hanya RM198 juta telah diluluskan kepada 7,464 usahawan. Antara dana yang popular ialah TEKUN, untuk peniaga kecil dan penjaja dengan pinjaman sehingga RM20,000.<sup>87</sup> Selain itu terdapat juga beberapa skim lain seperti Skim Pembiayaan Francais; Skim Bantuan Pembangunan Francais; Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil; Tabung Usahawan Kecil; Skim Galakan Usahasama; Skim Usahawan Siswazah dan Yayasan Tekun Nasional (YTN). Namun demikian hanya kira-kira 15% daripada dana berjumlah RM1.25 billion Kementerian Pembangunan Usahawan untuk IKS telah digunakan.<sup>88</sup>

**3.5.2 Teknologi**

Hasil kajian Saha dan Ismail (1994) mendapati bahawa tahap penggunaan teknologi di kalangan usahawan IKS pada keseluruhannya masih rendah.<sup>89</sup> Ini terbukti apabila 14.0-19.0% sahaja daripada 762 buah firma yang dikaji menggunakan teknologi moden dalam proses pengeluaran. Bagaimanapun penggunaan teknologi terkini lebih tertumpu kepada industri sederhana.

<sup>86</sup> Berita Harian, 22 Mac 1999.

<sup>87</sup> Utusan Sarawak, 12 Mac 1999.

<sup>88</sup> Berita Harian, 12 Mac 1999.

<sup>89</sup> Saha Dhevan Meyanathan dan Ismail Muhd Salleh, "Malaysia", dalam Saha Dhevan Meyanathan (1994) (ed.), *Industrial Structures and the Development of Small and Medium Enterprise Linkages: Example from East Asia*, Washington D.C: World Bank.

Kajian tersebut disokong oleh banci yang dilakukan oleh MITI pada tahun 1994/1995. Banci yang dijalankan oleh MITI tersebut boleh disifatkan sebagai menyeluruh kerana ia meliputi sejumlah 11,545 IKS di seluruh Malaysia. Laporan Banci tersebut (Jadual 3.10) menunjukkan bahawa hanya 2.0% sahaja daripada IKS menggunakan mesin sepenuhnya. Manakala 88.0% menggunakan kombinasi pengeluaran secara manual dengan mesin manakala 10.0% lagi menggunakan manual sepenuhnya dalam proses pengeluaran.<sup>90</sup>

Jadual 3.10: Kaedah Pengeluaran IKS

Kaedah Pengeluaran	Peratus
Kombinasi Manual dan Mesin	88.0
Mesin Sepenuhnya	2.0
Manual	10.0
Jumlah	100.0

Sumber: MITI (1995).

Masalah penggunaan teknologi yang minimum dalam IKS bukan sahaja berlaku di Semenanjung Malaysia. Kajian IKS di Sarawak pada tahun 1995 (Jadual 3.11), juga menunjukkan keputusan yang hampir sama. Sebahagian besar iaitu 89.7% daripada IKS menggunakan teknologi pada tahap pertengahan iaitu separa mesin. Hanya sekitar 5.3% sahaja menggunakan teknologi mesin sepenuhnya. Manakala selebihnya atau 5.0% menggunakan teknologi manual.<sup>91</sup>

<sup>90</sup> MITI (1995), op cit., ms. 174.

<sup>91</sup> Ismail Abu Samah (1995), *Industri Kecil dan Sederhana Di Sarawak (terjemahan)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Jadual 3.11: Tahap Teknologi Mengikut Saiz Guna Tenaga (Bilangan Syarikat)*

Saiz Gunatenaga	Tahap Teknologi		
	Manual	Separa Jentera	Jentera Sepenuhnya
Kurang 5 orang	7	49	1
5-49 orang	20	407	18
50-199 orang	2	67	10
200 dan lebih	1	16	4
Tidak berkenaan	1	9	0
Peratus	5.0	89.7	5.3
Jumlah	31	556	33

Sumber: Ibrahim (1995).

Sementara itu bagi IKS yang menggunakan teknologi moden sama ada separa atau sepenuhnya kebanyakannya bergantung kepada teknologi yang diimport. Dianggarkan sebanyak 60.0% IKS menggunakan teknologi yang diimport dari luar negeri terutamanya dari Jepun, Taiwan, Jerman dan Itali. Selebihnya atau 40.0% sahaja IKS menggunakan teknologi tempatan.<sup>92</sup> Penggunaan teknologi yang rendah ini sebenarnya menjelaskan daya saing IKS di peringkat antarabangsa disebabkan keluaran yang kurang bermutu.

### **3.5.3 Kawalan Kualiti**

Menurut Toronto Group of Canada (TGC) (1991), IKS masih belum mempunyai sistem kawalan yang ketat terhadap aspek kualiti keluaran. TGC mendapati 10% sahaja daripada subsektor tuangan yang mempunyai sistem edaran QC.<sup>93</sup> Kajian IKS di Sarawak seterusnya pula mendapati hanya 36.8% sahaja daripada 620 buah syarikat yang dikaji mempunyai bahagian kawalan kualiti.<sup>94</sup>

<sup>92</sup> MITI (1995), op cit., ms. 178.

<sup>93</sup> Toronto Group of Canada (1991), "Small and Medium Industry Technology Development", Malaysia, Draf Final Report, Volume 1, T.A. No 1395 MAL (Disember), Manila: Asian Development Bank.

<sup>94</sup> Ismail (1995), op cit.

Sementara itu, sangat sedikit IKS yang memperolehi pengiktirafan kualiti sehingga peringkat antarabangsa. Sehingga awal 1994 daripada 300 sijil MS ISO 9000 yang dikeluarkan hanya empat sahaja dianugerahkan kepada usahawan IKS.<sup>95</sup> Kawalan kualiti yang minimum menyebabkan keluaran seringkali mengalami kecacatan.<sup>96</sup> Seterusnya kegagalan usahawan IKS memenuhi piawaian kualiti merupakan salah satu faktor yang menghalang sektor IKS menembusi pasaran antarabangsa.<sup>97</sup>

### **3.5.4 Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)**

Penyelidikan dan pembangunan penting untuk menghasilkan produk dan teknologi baru di samping meningkatkan kualiti dan rekabentuk keluaran yang sedia ada. Bagaimanapun kegiatan R&D di Malaysia pada keseluruhannya masih rendah dan tertumpu kepada sektor awam. Walaupun terdapat banyak insentif yang diberi oleh kerajaan, penglibatan swasta dalam R&D hanya dalam lingkungan 20% sahaja daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan.<sup>98</sup>

Penglibatan dan keupayaan usahawan tempatan dalam R&D masih terlalu rendah berbanding dengan usahawan di negara-negara maju. Di Korea Selatan misalnya kegiatan R&D terus berkembang pesat dengan pelbagai galakan dan intensif daripada kerajaan. Ini menyebabkan sebahagian besar usahawan mempunyai R&D sendiri. Apabila kerajaan memberi galakan melalui intensif cukai dan kewangan,

<sup>95</sup> Ahmad Tajuddin Ali, "Enhancing Exports Through Quality" dalam Tan Siew Hoey, *Enhancing Malaysia's Export Capabilities* (1994) (ed.), Kuala Lumpur: ISIS.

<sup>96</sup> Chee Peng Lim, "Promoting Small Industries: The Malaysian Experience", dalam Friderick Ebert Stiftung (1990) (ed.) *Promoting of Small Scale Industries and Strategies for Rural Industrialisation: The Malaysian Experience*, Kuala Lumpur: APDC.

<sup>97</sup> Ahmad Tajuddin (1994), op cit.

<sup>98</sup> Abdul Mutalib Shafie (1995) "R&D dan Pemindahan Teknologi dalam IKS Bumiputera", dibentangkan dalam *Bengkel Kebangsaan Penglibatan Bumiputera dalam IKS*, Kuala Lumpur.

institusi R&D swasta di Korea Selatan telah meningkat secara mendadak sehingga hampir 100 kali ganda.<sup>99</sup>

Di Malaysia masalah kewangan telah dikenalpasti sebagai faktor utama yang menyebabkan hanya segelintir sahaja usahawan IKS yang terlibat dalam R&D. Walaupun terdapat beberapa agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam memajukan R&D seperti SIRIM, namun ia juga menghadapi masalah peruntukan dana yang terhad.<sup>100</sup>

Sebenarnya penglibatan usahawan dan pihak swasta yang rendah dalam R&D ini tidak menghairankan memandangkan pada peringkat nasional juga perbelanjaan untuk R&D secara relatifnya rendah berbanding dengan negara-negara maju. Perbelanjaan keseluruhan R&D sebagai nisbah kepada KDNK pula masih di bawah paras 1.0% sahaja berbanding dengan negara-negara maju seperti 2.9% di Jepun, 2.7% di AS, Jerman (2.6%), Republik Korea (1.9%). R&D di Malaysia dijangka meningkat kepada 2.0% menjelang tahun 2000.<sup>101</sup>

### **3.5.5 Pembangunan Sumber Manusia**

Dalam usaha untuk memantapkan daya saing penggunaan teknologi moden dalam pengeluaran adalah satu keperluan penting. Bagaimanapun usaha tersebut amat bergantung kepada bekalan tenaga pekerja mahir dalam sektor industri. Justeru, pembangunan sumber manusia melalui latihan dan bimbingan kemahiran amat

<sup>99</sup> Yeo-Gyeong Yun, "Promoting Small and Medium Industries: The Korean Experience", *Asian Development Review*, 1988, Vol 6, No.2 ms. 96.

<sup>100</sup> Ahmad Tajuddin Ali (1994), op cit.

<sup>101</sup> Mohd Rosli Mohamad (2000), *Industri Kecil dan Sederhana Landasan Pembangunan Usahawan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

penting dalam usaha memajukan IKS. Dalam konteks Malaysia, latihan keusahawanan adalah sangat perlu kerana kebanyakan usahawan yang memulakan perniagaan bukanlah kerana mereka mempunyai pengetahuan yang baik dalam dunia perniagaan tetapi disebabkan tidak mempunyai pekerjaan lain atau tidak meminati pekerjaan sedia ada.<sup>102</sup>

Sementara itu, bagi usahawan yang pernah menerima latihan kemahiran seperti pertukangan, jentera dan pembuatan dari sekolah-sekolah vokasional atau institusi-institusi lain pula tidak mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seperti pengurusan dan perakaunan. Dengan itu, mereka masih belum berupaya mengendalikan perniagaan dengan baik dan cekap.<sup>103</sup>

### **3.5.6 Pemasaran**

Walaupun disedari bahawa pasaran eksport dan pasaran antarabangsa penting untuk meningkatkan kapasiti jualan dan pulangan yang lebih menarik tetapi secara umumnya, sistem pemasaran IKS sangat terbatas dan lebih bersifat setempat. Kenyataan ini turut diakui oleh Fong (1987) berdasarkan kaji selidik ke atas 167 buah firma pada tahun 1986, yang mana eksport dari sektor ini masih membentuk 28.7% sahaja daripada jumlah eksport.<sup>104</sup> Kajian MITI ke atas 13,991 buah IKS pula mendapati hanya sekitar 7.0% sahaja yang terlibat dalam pasaran eksport.

<sup>102</sup> Zainal Lode (1995), "Pembangunan Sumber Manusia dalam Industri Kecil dan Sederhana Bumiputera", dibentangkan dalam *Bengkel Kebangsaan Penglibatan Bumiputera dalam Industri Kecil dan Sederhana*. Kuala Lumpur.

<sup>103</sup> Mohd Rosli Mohamad (2000), op cit, ms. 298.

<sup>104</sup> Fong Chan Onn (1987), *Changes in the Industrial Structure and the Role of Small and Medium Industries in Asian Countries: The Case of Malaysia*, Tokyo: Institute of Developing Economies.

Sebahagian besar daripada keluaran disalurkan kepada pasaran setempat (80.0%), pasaran wilayah (33.0%) dan pasaran nasional (11.0%). Sedikit sahaja IKS yang terlibat dalam pasaran eksport. Bancian MITI pada 1993/94 mendapati 20.0% sahaja daripada keseluruhan IKS mengeksport keluaran mereka. Peratusan ini jauh lebih kecil berbanding dengan negara jiran, Singapura. Di negara tersebut 67.0% daripada IKS mengeksport keluaran ke negara lain. Penglibatan dalam pasaran eksport menjadi semakin rendah bagi usahawan Bumiputera. Usahawan IKS Bukan Bumiputera terutamanya usahawan keturunan Cina mempunyai kecenderungan lebih tinggi untuk mengeksport keluaran mereka.

Ramai pengkaji berpendapat bahawa penglibatan yang minima dalam perdagangan antarabangsa ini didorong oleh ketidakmampuan bersaing. Porter (1990) menyenaraikan lima faktor utama yang akan membantu faedah bersaing di pasaran barang meliputi teknologi baru, keupayaan memenuhi kehendak pembeli, penubuhan segmen baru industri, perubahan kos input dan dasar kerajaan.<sup>105</sup> Merujuk kepada IKS di Malaysia, Yeoh (1991) berpendapat bahawa keupayaan IKS mengeksport bergantung kepada pengetahuan pasaran, kecekapan sistem pengeluaran, polisi harga yang pragmatik dan keberkesanan pengurusan keluaran.<sup>106</sup> Bagaimanapun ciri-ciri tersebut didapati amat kurang dalam sektor IKS. Fong (1987) telah menjelaskan bahawa ketidaksesuaian keluaran, kerendahan kualiti dan kekurangan pengetahuan berkaitan pasaran eksport menyukarkan mereka memasuki

<sup>105</sup> Michael E. Porter (1980), *Competitive Strategy Techniques for Analyzing Industries and Competitors*, New York: The Free Press.

<sup>106</sup> Yeoh Pong Seng, Enhancing Export Capabilities of Small and Medium Scale Enterprises dalam Tan Siew Hoey (1991) (ed.), *Enhancing Malaysia's Export Capabilities*, Kuala Lumpur: ISIS.

pasaran asing.<sup>107</sup> Untuk memasuki pasaran asing sektor IKS perlu mengeluarkan barang yang berkualiti tinggi.

### **3.6 Program Pembangunan IKS di Malaysia oleh SMIDEC<sup>108</sup>**

Pada tahun 1999 IKS dianggarkan meliputi 91.0% daripada jumlah keseluruhan sektor perkilangan. Justeru, kerajaan sememangnya sentiasa menitikberatkan program-program pembangunan IKS untuk memastikan ia terus memainkan peranan sebagai industri sokongan kepada proses perindustrian negara. Program pembangunan IKS ini kebanyakannya disalurkan melalui SMIDEC dan juga institusi kerajaan yang lain seperti SIRIM serta institusi-institusi kewangan. Secara umumnya program pembangunan IKS ini terbahagi kepada tiga komponen utama iaitu Pembangunan Pasaran terutamanya pasaran eksport; Modernisasi IKS melalui bantuan teknikal dan program peningkatan kualiti; dan Bantuan Kewangan.

#### ***3.6.1 Pembangunan Pasaran***

Program pembangunan pasaran bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing IKS di peringkat antarabangsa melalui pasaran eksport. Antara program yang dijalankan ialah:

##### *a. Program Rantaian Industri (ILP)*

ILP bertujuan untuk menjalinkan rangkaian dan integrasi antara IKS dengan syarikat besar dan multinasional. Melalui program ini adalah diharapkan bahawa IKS akan menjadi industri sokongan dengan cara membekal komponen dan peralatan dan

<sup>107</sup> Fong Chan Onn (1987) op cit.

<sup>108</sup> Laporan-laporan Malaysia International Trade and Industry, pelbagai tahun daripada 1995-1999.

perkhidmatan secara berterusan kepada industri besar tersebut. Dalam tempoh yang singkat iaitu hanya kira-kira setahun program yang telah dimulakan sejak 1997 berjaya menarik minat sebanyak 118 syarikat untuk menyertainya. Daripada 118 syarikat tersebut 53 syarikat adalah daripada sektor elektrik dan elektronik, 25 syarikat daripada sektor jentera dan kejuruteraan, 23 syarikat daripada sektor berasaskan sumber dan 17 syarikat lagi daripada sektor pengangkutan. Syarikat-syarikat tersebut telah berjaya memperolehi kontrak bernilai RM 108.9 juta daripada syarikat besar (Jadual 3.12). Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 1999 hanya 122 syarikat sahaja yang berjaya dirangkaikan dengan syarikat-syarikat besar dan multinasional.<sup>109</sup>

*Jadual 3.12: Prestasi ILP daripada Januari 1997-Disember 1998*

Sektor	<i>Jaminan Jualan</i>		<i>Rundingan</i>		<i>Prospek</i>		<i>Jumlah</i>	
	Bil	Nilai (RM juta)	Bil	Nilai (RM juta)	Bil	Nilai (RM juta)	Bil	Nilai (RM juta)
Elektrik dan Elektronik	17	16.8	16	9.4	20	21.0	53	47.2
Pengangkutan dan Marin	11	7.7	2	2.8	4	3.7	17	14.2
Jentera dan Kejuruteraan	2	0.8	9	10.5	14	14.0	25	25.3
Berasaskan Sumber	5	2.5	7	8.4	11	11.3	23	22.2
Jumlah	35	27.8	34	31.1	49	50.0	118	108.9

Sumber: MITI (1999).

Potensi untuk syarikat IKS yang menyertai rantai industri amat menggalakkan memandangkan sebahagian besar komponen dan peralatan yang diperlukan oleh syarikat-syarikat besar masih diimport. Contohnya pada tahun 1999 sahaja nilai komponen dan peralatan yang diimport mencecah RM 113.8 billion.

<sup>109</sup> MITI (1999), *Laporan Kementerian Antarabangsa dan Industri 1999*, Kuala Lumpur: MITI.

### *b. Program Pembangunan Eksport*

Sementara itu, Program Pembangunan Eksport bertujuan untuk membantu IKS menembusi pasaran eksport. Terdapat dua skim yang diletakkan di bawah ITAF khusus untuk pembangunan eksport iaitu Skim Perancangan dan Pembangunan Perniagaan (ITAF 1) dan Skim Pembangunan Pasaran (ITAF 4).

Sehingga Disember 1999, sebanyak 616 buah projek telah diluluskan di bawah ITAF 1 dengan geran sebanyak RM6.48 juta. Sementara itu, 947 buah projek telah diluluskan di bawah ITAF 4 dengan geran berjumlah RM6.5 juta.

### *c. Pameran Tahunan SMIDEC*

Program ini bertujuan untuk mempamerkan keupayaan IKS di samping menyediakan peluang kepada IKS untuk menjalinkan jaringan perniagaan. Setakat ini ia lebih tertumpu kepada sektor elektrik dan elektronik serta telekomunikasi. Pada tahun 1998 pameran tersebut telah berlangsung di Kuala Lumpur dari 25-29 Jun 1998. Sejumlah 144 ruang pameran telah dibuka sepanjang program tersebut. Ia telah berjaya menarik minat kira-kira 5,059 pengunjung. Pada tahun 1999 pula sejumlah 296 ruang pameran telah dibuka tetapi dengan pengunjung perdagangan yang lebih rendah iaitu sebanyak 3,560 sahaja.

Sementara itu sebagai memantapkan usaha promosi IKS di peringkat antarabangsa, bengkel dan sesi pemadanan perniagaan yang dikenali sebagai *APEC Cross Border Linkages and Business Matching Session* telah diadakan semasa pameran tersebut

yang telahpun dihadiri oleh 13 wakil daripada pelbagai negara APEC.<sup>110</sup> Dianggarkan hampir 67.0% syarikat yang menyertai sesi pemasaran tersebut berjaya mendapatkan kontrak untuk membekalkan peralatan dan komponen-komponen.

### **3.6.2 E-Dagang**

E-Dagang diperkenalkan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kapasiti pasaran. Bagaimanapun penggunaan e-Dagang sebenarnya masih baru dalam IKS. Oleh itu, terdapat beberapa halangan yang perlu diatasi iaitu:

- a. kekurangan kesedaran tentang faedah penggunaan e-Dagang;
- b. kekurangan kemahiran dan sumber manusia;
- c. kos yang tinggi; dan
- d. masalah keselamatan.

Untuk menggalakkan penggunaan e-Dagang maka pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan melalui SMIDEC. Antaranya kempen, bengkel dan penyaluran maklumat secara *online*.

Sementara itu, pada Jun 1999, SMIDEC telah bekerjasama dengan syarikat Hitecniaga dengan matlamat mewujudkan komuniti perniagaan elektronik (*electronic business community*) yang meliputi IKS dan syarikat besar. Syarikat-syarikat yang menyertai projek tersebut boleh mengiklan keluaran secara percuma dalam pasaraya elektronik (*electronic mall*) yang dipanggil *My Biz*. Sehingga 1999

<sup>110</sup>Semasa pameran IKS 1999, bengkel bertajuk *ASEAN Match Making Workshop to Promote SME Joint Ventures and Linkages Between SMEs and Large Scale Enterprises (LSE)* telah diadakan dengan penyertaan oleh 134 peserta daripada pelbagai negara ASEAN.

*My Biz* berjaya menarik penyertaan 311 buah syarikat-syarikat IKS. Projek tersebut telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan melalui pembiayaan *Demonstrator Application Grant Scheme* (DAGS).

### ***3.6.3 Pembangunan Teknologi dan Teknikal***

Kerajaan amat menyedari bahawa sebahagian besar daripada IKS memiliki tingkat teknologi yang rendah. Kekurangan ini menjelaskan peluang IKS untuk memperolehi kontrak daripada syarikat besar kerana tidak memenuhi kehendak dan spesifikasi syarikat-syarikat besar. Oleh itu, beberapa program bantuan telah diwujudkan.

#### ***a. Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian (ITAF)***

ITAF diperkenalkan pada tahun 1990 dengan tujuan menangani kelemahan-kelebihan utama syarikat-syarikat IKS dalam usaha meningkatkan kualiti dan produktiviti serta daya saing kos. ITAF boleh dibahagikan kepada 4 jenis.

- i. ITAF 1: Skim Pembangunan dan Perancangan Perniagaan;
- ii. ITAF 2: Skim Pembangunan Proses dan Keluaran;
- iii. ITAF 3: Skim Peningkatan Kualiti, Produktiviti dan Pensijilan; dan
- iv. ITAF 4: Skim Pembangunan Pasaran.

Sejak diperkenalkan pada tahun 1990 sebanyak 2,331 permohonan telah diluluskan di bawah keempat-empat skim ITAF dengan jumlah geran sebanyak RM50.8 juta.

Khusus untuk tujuan peningkatan teknologi IKS pula, ia diletakkan di bawah ITAF 2 iaitu Skim Pembangunan Proses dan Keluaran. Skim ini memperuntukkan geran

sehingga RM250,000 untuk membantu IKS meningkatkan kualiti produk dan proses pengeluaran. Melalui skim tersebut syarikat diharapkan berupaya meningkatkan teknologi dan kualiti pengeluaran di samping mempelbagaikan keluaran.

Skim tersebut meliputi:

- i. pembangunan produk, rekabentuk dan proses keluaran;
- ii. penambahbaikan proses keluaran; dan
- iii. penambahbaikan rekabentuk keluaran dan projek.

*b. Modernisasi dan Automasi*

Skim Modernisasi dan Automasi (MAS) bertujuan untuk menyediakan pinjaman mudah (*soft loan*) kepada syarikat-syarikat IKS untuk membeli peralatan dan mesin bagi memodenkan dan mengautomasikan operasi. Sehingga Disember 1999, sejumlah RM81.6 juta telah diluluskan kepada 176 syarikat IKS. Daripada jumlah tersebut sebahagian besar atau 33.0% pinjaman di bawah skim ini digunakan oleh industri barang logam dengan 58 kelulusan, diikuti oleh industri mesin dan kejuruteraan (45 kelulusan) atau 25.6% dan 13 kelulusan atau 13.0% masing-masing untuk industri barang plastik dan juga industri elektrik dan elektronik.

**3.6.4 Peningkatan Kualiti**

*a. Piawaian Kualiti Antarabangsa*

Sementara itu, untuk memastikan keluaran IKS memenuhi kualiti dan standardisasi antarabangsa maka kerajaan telah menyediakan geran di bawah Skim Pensijilan Peningkatan Kualiti dan Produktiviti (ITAF 3). Geran tersebut meliputi program:

- i. Peningkatan kualiti melalui MS ISO 9000 /14000;

- ii. Amalan Pembaikan Kualiti (*Quality Improvement Practices*);
- iii. Pengauditan untuk memenuhi spesifikasi dan piawaian pelanggan; dan
- iv. TQM serta piawaian kualiti yang lain.

Selain itu, Skim Amalan Pembaikan Kualiti (QIP) juga telah diwujudkan oleh SIRIM pada 1988 juga boleh dimanfaatkan oleh IKS. Program tersebut mempunyai matlamat untuk:

- i. meningkatkan prestasi IKS supaya lebih kompetitif;
- ii. membangunkan dan melaksanakan sistem kualiti untuk memastikan ia dibuat secara konsisten; dan
- iii. menerapkan budaya kesedaran tentang peningkatan kualiti di kalangan IKS.

Skim tersebut menyediakan khidmat nasihat dan perundingan selain daripada latihan dan pengauditan. Pada tahun 1998 sebanyak 339 projek telah diluluskan di bawah skim ITAF 3 yang mana 94 daripadanya telahpun dilaksana sepenuhnya. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 50 IKS berjaya mendapat pengiktirafan ISO 9000. Sementara itu, 229 syarikat lagi memperolehi standardisasi QIP daripada SIRIM. Bilangan syarikat yang berjaya memperolehi pengiktirafan piawaian antarabangsa ISO 9000 meningkat hampir sekali ganda berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 95 buah. Manakala 270 buah syarikat IKS lagi dalam pelbagai peringkat untuk mendapat pengiktirafan ISO.

*b. Skim Peningkatan Kualiti (QES)*

QES bertujuan untuk menyediakan pinjaman mudah kepada syarikat-syarikat IKS Bumiputera untuk membeli mesin dan peralatan supaya dapat meningkatkan proses

pengeluaran dan produktiviti. Jadual 3.13 menunjukkan kelulusan berdasarkan sektor Skim Peningkatan Kualiti sehingga Disember 1999.

*Jadual 3.13: Kelulusan Program Modenisasi dan Automasi serta Peningkatan Kualiti Mengikut Sektor 1999*

Sektor	Modenisasi Dan Automasi	Peningkatan Kualiti
Makanan	-	46
Barangan Kayu	2	50
Tekstil dan Pakaian	3	4
Kimia dan Petrokimia	-	2
Barangan Getah	5	4
Barangan Plastik	23	12
Barangan Logam	58	10
Elektrik dan Elektronik	23	6
Peralatan Pengangkutan	11	-
Mesin dan Kejuruteraan	45	6
Percetakan	5	1
Perkhidmatan	-	7
Lain-lain	1	3
<b>Jumlah</b>	<b>176</b>	<b>151</b>

Sumber: MITI 1999

Dalam tempoh tersebut, 151 permohonan telah diluluskan dengan jumlah pinjaman sebanyak RM74.9 juta. Sebahagian besar pinjaman telah diluluskan kepada industri barangan kayu dengan 50 kelulusan (33.1%), barangan makanan sebanyak 46 kelulusan (30.5%) dan barangan plastik dengan 12 kelulusan atau 7.9%.

### **3.6.5 Bantuan Kewangan<sup>111</sup>**

Selain daripada program-program pembangunan di atas SMIDEC juga menyediakan banyak bantuan kewangan kepada syarikat IKS yang berkelayakan. Antaranya ialah

<sup>111</sup> Butir-butir lanjut Bantuan Kewangan SMIDEC terdapat dalam Lampiran 4.

Pakej Kewangan (PAKSI); Bantuan untuk Usahawan Wanita; Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS); dan Tabung Pemulihan IKS.

Secara umumnya bantuan kewangan tersebut diperkenalkan untuk membiayai projek baru ataupun pembesaran modal kerja IKS dengan kadar faedah yang lebih rendah. Kebanyakan bantuan kewangan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan. Peruntukan TIKS misalnya terpaksa ditambah kepada RM1.85 billion berbanding peruntukan asal RM1.5 billion kerana sambutan yang amat menggalakkan. Sehingga Disember 1999, 4261 permohonan telah diluluskan dengan jumlah pinjaman RM3 billion yang meliputi pelbagai sektor seperti yang tertera dalam Jadual 3.14.

*Jadual 3.14: Kelulusan Mengikut Sektor di bawah TIKS (Sehingga 1999)*

Sektor	Kelulusan	
	Bilangan	Nilai (RM juta)
Pertanian	335	351.7
Perkilangan	1,838	1,646.5
Perkhidmatan	2,043	1,021.2
Jumlah	4,126	3,019.0

Sumber: MITI (1999) Laporan Kementerian Antarabangsa dan Industri.

### ***3.6.7 Pembangunan Sumber Manusia***

Penstrukturkan semula ekonomi ke arah untuk meningkatkan nilai ditambah dan produktiviti, sektor perkilangan termasuk IKS memerlukan tenaga kerja mahir yang berpengetahuan, cekap dan mampu memikul tanggungjawab dengan berkesan. Salah satu strategi yang dianggap penting untuk melahirkan tenaga kerja yang berkualiti ialah melalui pembangunan sumber manusia. Menyedari hakikat tersebut pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan terutamanya melalui SMIDEC telah dijalankan.

Untuk membangunkan sumber manusia pada peringkat IKS, SMIDEC telah melaksanakan pelbagai program latihan dengan kerjasama beberapa institusi latihan dan kemahiran termasuk Penang Skills Development Centre (PSDC), German Malaysian Institute dan Malaysia France Institute serta beberapa institusi kemahiran dan latihan yang lain.

SMIDEC telahpun menandatangani perjanjian dengan institusi-institusi tersebut untuk menyediakan latihan kemahiran kepada IKS. Di bawah program tersebut, SMIDEC akan membayai 50.0% yuran latihan pekerja IKS. Selain itu, IKS yang menyumbang kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) boleh menuntut bayaran sehingga 45.0% daripada yuran latihan. Ini bermakna IKS yang terlibat hanya perlu menanggung 5.0% sahaja daripada keseluruhan kos latihan. Sementara itu, IKS yang tidak menyumbang kepada HRDF berpeluang menikmati potongan sebanyak dua kali ganda untuk tujuan pembayaran cukai.

Sehingga Disember 1999, RM816,749 telah diperuntukkan untuk melatih seramai 980 pekerja-pekerja IKS dalam bidang automasi industri, AutoCAD, *Computer Numerical Control (CNC)* dan kejuruteraan industri dalam institusi-institusi latihan dan kemahiran seperti yang dinyatakan sebelum ini.

### Rumusan

Walaupun IKS meliputi sebahagian besar (90%) daripada sektor perkilangan tetapi sumbangannya secara keseluruhan tidak begitu ketara. IKS terus dilingkari oleh masalah tradisi seperti masalah kewangan, penggunaan tingkat teknologi yang minimum serta mutu keluaran yang rendah. Masalah-masalah tersebut menyukarkan

IKS untuk bersaing khususnya pada peringkat antarabangsa. Menyedari masalah tersebut pelbagai program pembangunan IKS telah dijalankan oleh kerajaan terutamanya melalui SMIDEC untuk memperbaiki kelemahan tersebut. Usaha tersebut diharap berupaya melahirkan IKS yang berdaya saing serta mampu bertahan dalam menghadapi tekanan ekonomi global yang semakin mencabar.